

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: SEMASA MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1983

TEMPAT: DEWAN RAKYAT

TARIKH: 01 AUG 1983

MASA:

Tuan Yang di-Pertua,
Saya mohon mencadangkan supaya satu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan dibacakan bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Undang-undang adalah satu ciri penting bagi sesuatu negara, kerana undang-undang membolehkan sesebuah negara menjalankan pentadbiran dan kegiatannya dengan teratur dan terjamin. Undang-undang juga menentukan rakyat dan lain-lain anggota masyarakat sesebuah negara hidup aman damai dan terpelihara dari sebarang ancaman atau penindasan. Tetapi, oleh kerana sesebuah negara dan masyarakatnya tidaklah statik, dan sebaliknya sering berubah dan bertukar corak, maka undang-undang terpaksa dipinda dan disesuaikan dari masa ke semasa. Demikianlah undang-undang buatan manusia. Cuma undang-undang Tuhan sahaja yang tidak dapat diubah. Walaupun demikian, Kerajaan tidak berminat untuk meminda undang-undang asas negara, iaitu Perlembagaan, dengan sewenang-wenangnya. Pindaan yang dicadangkan ini perlu dibuat kerana keadaan dalam negara telah berubah sehingga peruntukan baru terpaksa diadakan untuk menjaga kepentingan rakyat dan pengurusan pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Rang undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan Yang Mulia ini adalah bagi tujuan meminda beberapa Perkara Perlembagaan, termasuk Perkara I, Eksekutif, Badan Perundangan Persekutuan, Suruhanjaya-Suruhanjaya, Kehakiman, Kuasa-Kuasa Darurat dan Jadual-Jadual Kelapan dan Kesembilan. Kebanyakan pindaan yang dibentangkan adalah merupakan pindaan berbangkit sahaja, yang bertujuan menjelas dan menghapuskan keraguan terhadap peruntukan yang sedia ada. Semangat dan prinsip yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia tidak akan terjejas dengan pindaan yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pindaan kepada Perkara 43A bertujuan membuat peruntukan dalam Fasal (2) kepada Perkara itu supaya menjelaskan bahawa seseorang Timbalan Menteri semasa membantu Menteri dalam menjalankan kewajipan dan fungsi Menteri, hendaklah

mempunyai segala kuasa yang dipunyai oleh Menteri, bagi maksud membantu Menteri itu. Pindaan seumpama ini juga dicadangkan kepada Perkara 43B bagi menjelaskan bahawa seseorang Setiausaha Parlimen mempunyai segala kuasa yang dipunyai oleh Menteri dan Timbalan Menteri, semasa membantu mereka dalam menjalankan kewajipan dan fungsi mereka. Pindaan ini akan membolehkan Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dengan arahan Menteri, mengemukakan rang undang-undang tertentu dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara apabila Menteri berkenaan tidak dapat menjalankan tugasnya kerana sesuatu sebab. Ini tidak bermakna Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen berkuasa seperti Menteri dan boleh mengganti Menteri dalam Jemaah Menteri atau mengendalikan tugas-tugas yang dihadkan kepada Menteri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Pindaan juga dicadangkan kepada Perkara 46 berhubung dengan bilangan kerusi Dewan Rakyat. Pindaan terakhir kepada bilangan kerusi Dewan Rakyat telah dibuat dalam tahun 1973. Semenjak itu bilangan pemilih yang berdaftar telah bertambah hampir 50%. Memandangkan kepada pertambahan bilangan pemilih ini, adalah dicadangkan supaya peruntukan Perkara 46 dipinda untuk menambah bilangan kerusi di Dewan ini sebanyak 22 kerusi lagi, iaitu 18 bagi Semenanjung Malaysia dan 4 bagi Negeri Sabah. Dengan pindaan ini jumlah kerusi bagi Dewan Rakyat ialah 176. Bilangan kerusi bagi Negeri Sarawak tidak berubah, kerana Sarawak telah meminda kawasan pilihanrayanya dalam tahun 1977 dan Perlembagaan tidak mengizinkan pindaan sebelum genap 8 tahun.

6. Tambahan kerusi yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- ii) Kedah - 1
- iv) Melaka - 1
- vi) Pahang - 2
- viii) Perak - 2
- x) Selangor - 3
- xii) Wilayah Persekutuan - 2

Bagi Negeri Perlis tidak ada tambahan.

7. Parlimen mengikut Perlembagaan, berkuasa menentukan bilangan kerusi Dewan Rakyat untuk tiap-tiap Negeri. Penentuan sempadan kawasan-kawasan pilihanraya akan dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya setelah pindaan mengenai bilangan kerusi diluluskan. Urusan kajian bagi menentukan sempadan kawasan pilihanraya oleh Suruhanjaya Pilihanraya hanya boleh dibuat selepas 8 tahun, tetapi tidak melebihi 10 tahun sesudah urusan kajian yang terakhir. Dengan demikian, urusan penentuan sempadan kawasan bagi kali ini, mestilah selesai tidak lewat dari 26hb. Julai, 1984. Walau bagaimanapun, kawasan-kawasan baru cuma akan diguna bagi pilihanraya umum yang akan datang. Jika sesuatu pilihanraya kecil perlu diadakan sebelum pilihanraya umum akan datang, kawasan-kawasan yang sedia ada sekarang akan digunakan.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Pindaan yang dicadangkan kepada Perkara 48 ialah untuk menetapkan, iaitu mana-mana Ahli Parlimen yang hilang kelayakannya di bawah peruntukan Perkara 48(1)(e) atau Perkara 48(2), maka hilang kelayakan itu hendaklah berkuatkuasa hanya selepas 14 hari dari tarikh sabitan dan hukuman menurut peruntukan Perkara-Perkara itu. Pindaan ini juga memperuntukkan iaitu jika dalam tempoh 14 hari, Ahli itu membuat rayuan atau membawa lain-lain prosiding mahkamah berkenaan sabitan dan hukuman itu, maka hilang kelayakan hendaklah mula berkuatkuasa hanya selepas tamatnya tempoh 14 hari dari pelupusan rayuan atau lain-lain prosiding mahkamah. Jika seseorang Ahli itu memasukkan suatu petisyen untuk mendapat ampun dalam tempoh 14 hari dari hari pelupusan rayuan atau lain-lain prosiding mahkamah, hilang kelayakan itu hendaklah mula berkuatkuasa sebaik sahaja petisyen itu dilupuskan.

9. Peruntukan mengenai penangguhan kuatkuasa hilang kelayakan yang tersebut tidak terpakai bagi maksud penamaan calon, pilihanraya atau perlantikan ke mana-mana Dewan Parlimen. Pindaan seumpama ini juga dicadangkan dalam Jadual Kelapan bagi Ahli-Ahli Dewan-Dewan Negeri.

10. Berikutan dari pindaan kepada Perkara 48 yang disebutkan itu, Perkara 53 juga adalah dipinda bagi memperuntukkan bahawa hilang kelayakan seseorang Ahli yang didapati bersalah dan dikenakan hukuman seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 48(1)(e) atau 48(2) akan berkuatkuasa secara otomatis mengikut peruntukan-peruntukan Fasal baru (4) Perkara 48 tanpa Dewan mengambil apa-apa keputusan mengenai soal hilang kelayakan Ahli yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Pengalaman kita telah menunjukkan betapa sukarnya untuk mendapatkan calon-calon bagi jawatan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat, Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan. Masalah ini lebih ketara sejak berkuatkuasanya peruntukan yang melarang seseorang pemegang jawatan tersebut dari menjadi ahli lembaga, atau dari menjadi seorang pekerja pertubuhan, atau melibatkan diri dalam perusahaan, perdagangan, perindustrian atau lain-lain pengusahaan. Dengan adanya larangan-larangan yang sebegitu ketat, maka kebanyakan orang yang difikirkan sesuai dan layak dilantik memegang jawatan itu, tidak berminat menerima perlantikan itu. Ini telah menimbulkan satu masalah untuk mencari dan melantik orang-orang yang benar-benar layak dan sesuai memegang jawatan-jawatan tersebut. Oleh itu adalah perlu demi kepentingan negara, larangan-larangan kepada Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat ditarik balik dan bagi Ahli-ahli Suruhanjaya dilonggarkan. Walau bagaimanapun larangan-larangan tersebut dikekalkan bagi Yang di-Pertua Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat serta Pengerusi-Pengerusi Suruhanjaya. Dengan itu Perkara 56, 57, 114 dan 142 adalah dipinda.

Syarat-syarat kerja akan dipinda melalui proses pentadbiran.

12. Berhubung dengan pindaan kepada Perkara 57, tujuannya adalah untuk menambahkan seorang lagi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Pengwujudan jawatan baru ini adalah bagi membolehkan Dewan ini menjalankan urusan-urusannya dengan lancar. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, semakin bertambah tanggungjawab Kerajaan, maka semakin banyaklah urusan Parlimen. Ini bermakna tanggungjawab Yang di-Pertua dan Timbalannya juga bertambah. Keperluan kepada seorang lagi Timbalan Yang di-Pertua lebih ketara lagi pada masa persidangan Belanjawan, ataupun apabila Dewan terpaksa bersidang hingga lewat malam. Dalam keadaan seperti ini, adalah agak berat bagi Yang di-Pertua dan Timbalannya menjalankan tugas sebagai pengerusi, terutamanya apabila salah seorang daripada mereka uzur atau meletak jawatan, atau mempunyai tugas-tugas rasmi yang lain yang perlu juga ditunaikan.

Tuan Yang di-Pertua,

13. Perkara 59 memperuntukkan, bahawa jika seseorang Ahli tidak mengambil tempatnya dalam masa tiga bulan dari tarikh Majlis Parlimen bersidang bagi pertama kalinya selepas ia dipilih, atau dalam masa yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Majlis Parlimen, maka kosonglah tempatnya itu. Pindaan kepada Perkara 59 adalah dengan tujuan melanjutkan masa yang wajib bagi seseorang Ahli mengambil tempatnya dari tempoh tiga bulan kepada enam bulan. Tanpa pindaan ini, Dewan terpaksa meluluskan satu usul untuk membolehkan seseorang Ahli itu mengambil tempatnya selepas tiga bulan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

14. Negeri Melaka tidak mempunyai tanah rezab Melayu khas bagi orang Melayu, tetapi sebaliknya mempunyai "tanah adat Melaka" atau "Malacca Customary Land". Tanah adat Melaka ini boleh dimiliki oleh orang Melayu sahaja, tetapi kawalan ke atas tanah adat Melaka tidak dapat dilakukan dengan berkesan di bawah peruntukan undang-undang yang sedia ada.

15. Mengikut Perkara 90(1) Perlembagaan Persekutuan, dan Seksyen 108 Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963, tanah adat Melaka tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau diturunmilik kepada orang bukan Melayu. Namun demikian, sekatan-sekatan ini pada amalnya, tidak menghalang orang bukan Melayu menguasai atau menduduki tanah adat Melaka. Kajian mengenai perkara ini menunjukkan bahawa seluas 364 hektar tanah adat Melaka telah digadai kepada orang bukan Melayu. Tetapi sebenarnya tanah itu telah dijual serta diduduki dan diusahakan oleh mereka ini.

16. Untuk mengatasi masalah ini, adalah dicadangkan supaya Perkara 90 Perlembagaan Persekutuan dipinda untuk membolehkan sekatan-sekatan tertentu dikenakan melalui undang-undang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

17. Dalam tahun 1978 rayuan kepada Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy dalam perkara-perkara Perlembagaan dan jenayah telah dihapuskan sama sekali dan Mahkamah Persekutuan adalah merupakan mahkamah yang terakhir dan muktamad dalam perkara-perkara tersebut. Tetapi rayuan dalam kes-kes sivil yang tertentu telah dikekalkan dan pada masa ini rayuan kepada Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy dalam kes-kes sivil tersebut boleh dibuat.

18. Masanya telah sampai untuk kita memansuhkan sama sekali rayuan kepada Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy. Kita telah merdeka selama lebih dari 25 tahun. Dalam masa itu hakim-hakim kita telah menunjukkan kebolehan mereka dan dapat mengendalikan semua kes termasuk kes-kes sivil dengan memuaskan. Maka adalah wajar kita mempunyai kepercayaan kepada hakim-hakim kita sendiri untuk membuat keputusan yang adil dan bijaksana. Oleh itu, pindaan yang dicadangkan mengenai Perkara 131 dan 121 serta Perkara-Perkara lain dalam Bahagian IX Perlembagaan, adalah bagi memansuhkan peruntukan yang membenarkan rayuan dibuat kepada Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy dan memperuntukkan Mahkamah Persekutuan sebagai mahkamah rayuan terakhir di negara ini dan menamakannya sebagai Mahkamah Agung (atau 'Supreme Court').

19. Walau bagaimanapun, tarikh berkuatkuasanya pindaan ini akan ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui Pemberitahuan dalam Warta. Ini adalah perlu memandangkan kepada hakikat bahawa tindakan-tindakan lain mesti diambil sebelum pindaan ini dapat dikuatkuasakan. Tindakan-tindakan tersebut adalah berkaitan dengan pindaan yang perlu dibuat kepada Perjanjian di antara Kerajaan kita dengan Kerajaan British mengenai rayuan dalam perkara sivil kepada Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy dan pindaan kepada undang-undang negara kita dan undang-undang British dalam perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

20. Negara kita mengamalkan sistem Pemerintahan Beraja mengikut Perlembagaan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, sebagai tumpuan kesetiaan dan kemuncak dalam sistem pemerintahan negara dan negeri, mempunyai kedudukan yang tinggi dan istimewa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga Perlembagaan Negeri. Kedudukan yang tinggi ini adalah juga dicerminkan dalam Rukunegara. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja merupakan simbol perpaduan dan taat setia segenap lapisan masyarakat. Kedudukan yang istimewa ini bererti bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja merupakan institusi yang tidak berpihak.

Begitu juga halnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja tidak melibatkan diri dalam hal-hal politik. Memandangkan kepada hakikat inilah, maka Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan-Perlembagaan Negeri masing-masingnya memperuntukkan bahawa dalam urusan pentadbiran negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja bertindak atas nasihat Jemaah Menteri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO).

Tuan Yang di-Pertua,

21. Perlembagaan ada membuat peruntukan di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak mengikut budi-bicara Baginda di dalam beberapa perkara. Perisytiharan darurat tidak termasuk di dalam bidang tugas di mana Baginda boleh bertindak atas budi-bicara Baginda. Perkara 40(1) dalam Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong akan bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri atau Menteri yang ditugaskan oleh Jemaah Menteri.

22. Pindaan kepada Perkara 150 adalah bertujuan untuk menjelaskan bahawa Perdana Menteri dipertanggungjawabkan untuk menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai perisytiharan darurat.

23. Mengikut prinsip sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara kita, kuasa membuat undang-undang adalah hak Parlimen. Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Parlimen terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat, masing-masing dengan tugas dan tanggungjawabnya. Proses mewujudkan sesuatu undang-undang itu berakhir dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menurunkan tandatangan perkenan Baginda. Oleh kerana kadang-kala ada kemungkinan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, atas sebab-sebab tertentu, tidak dapat memberi perkenan kepada sesuatu rang undang-undang dengan segera, maka adalah dicadangkan supaya Perkara 66(5) dipinda bagi memperuntukkan bahawa selepas 15 hari rang undang-undang itu dipersembahkan kepada Baginda, maka hendaklah disifatkan bahawa Baginda telahpun memperkenankannya.

Tuan Yang di-Pertua,

24. Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan melalui Akta Perlembagaan (Pindaan)(NO:2)1973. Akta ini, antara lain, telah membuat peruntukan tentang perubahan sempadan Negeri Selangor, perlepasan kuasa-kuasa Kerajaan Negeri Selangor terhadap kawasan Wilayah Persekutuan, bidang kuasa Kerajaan Persekutuan ke atas Wilayah Persekutuan, dan beberapa peruntukan lain berbangkit daripada penubuhan Wilayah Persekutuan. Walaupun Perlembagaan Persekutuan, ataupun

undang-undang yang ada kaitan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan tidak menyatakan secara khusus bahawa Wilayah Persekutuan adalah merupakan sebahagian daripada Persekutuan atau Malaysia, tetapi adalah nyata Wilayah Persekutuan menjadi sebahagian daripada Malaysia. Namun demikian, untuk mengelak dari sebarang keraguan, atau tafsiran yang berlainan, maka Jadual Kesembilan dicadangkan dipinda dengan memasukkan satu butiran baru, iaitu butiran 27 untuk menjelaskan bahawa Parlimen mempunyai kuasa membuat undang-undang mengenai semua perkara berhubung dengan Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

25. Walaupun Perlembagaan negara merupakan undang-undang yang tertinggi, namun ia adalah undang-undang. Sebagaimana kita maklum, Perlembagaan kita mengandungi peruntukan-peruntukan yang terperinci jika dibandingkan dengan Perlembagaan setengah-setengah negara lain. Oleh itu, adakalanya bagi membolehkan undang-undang lain diadakan atau diperkemas, perubahan-perubahan tertentu kepada Perlembagaan perlu dibuat. Ada ketikanya pindaan hakiki kepada Perlembagaan perlu juga dibuat. Perlembagaan kita telah dipinda pada masa-masa yang lalu, dan kali akhir kita meminda Perlembagaan ialah dalam tahun 1981. Pindaan kepada Perlembagaan bukanlah dibuat dengan sewenang-wenangnya, tetapi setelah mengambilkira berbagai-bagai faktor, dan tujuannya adalah untuk kepentingan rakyat, dan pemerintahan serta pentadbiran negara yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua,
Saya mohon mencadangkan.
Pejabat Perdana Menteri,
Kuala Lumpur.